



KESEDARAN MOTIVASI PELAJAR TERHADAP PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN ISLAM

Nik Shahrul Nizan Mohamed
Noor Fadhlina Nawawi
Ajmain@Jimain Safar
Kamarul Azmi Jasmi

Abstrak

Motivasi merupakan salah satu aspek penting dalam pembangunan dan kecemerlangan pelajar sekaligus memberikan kesan positif dalam pencapaian akademik pelajar. Pelajar yang bermotivasi adalah pelajar yang menaruh minat untuk belajar dan berubah. Tidak dinafikan, amalan pengajaran guru juga merupakan salah satu faktor yang mendorong motivasi pelajar. Tujuan utama kertas kerja ini adalah untuk mengenal pasti tahap motivasi pelajar yang mengikuti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Kajian ini berbentuk kuantitatif yang menggunakan satu set soal selidik melibatkan seramai 381 orang pelajar sebagai responden kajian. Hasil dapatan data deskriptif menunjukkan tahap motivasi pelajar berada pada tahap sederhana tinggi iaitu dengan nilai min 3.66.

Kata kunci: Amalan Pengajaran, Pengajaran dan Pembelajaran, Guru Pendidikan Islam, Motivasi.

Pengenalan

Dalam era globalisasi kini, masyarakat hari ini begitu sibuk dan leka memperkatakan tentang pembangunan negara, kepantasan sistem telekomunikasi, kecanggihan teknologi dan sebagainya. Tetapi setakat manakah pembangunan rohani remaja hari ini seiring dan selari dengan pembangunan negara? Masalah sosial yang berlaku pada hari ini amat kritikal dan menggerunkan. Saban hari pelbagai isu yang berkaitan dengan pelajar diperkatakan seperti mencuri, melawan guru, bertumbuk, buli, biadab, menghisap rokok, berzina, buang bayi, lumba haram, merempit dan sebagainya (Mohd Nazmi *et. al.*, 2009; Shariffah Sebran Jamila, 2009; Syed Ismail & Ahmad Subki, 2010). Gejala keruntuhan akhlak dan nilai moral masyarakat Islam dan muda mudi masa kini merupakan rentetan daripada jauhnya mereka daripada penghayatan Islam dan al-Quran itu sendiri (Aidah & Kamarulzaman, 2009). Keadaan ini menyebabkan mereka menjadi liar dan bebas, sudah tiada lagi sekatan dan halangan bagi mereka. Mereka juga tidak dapat membezakan antara baik dan buruk, antara halal dan haram, antara jalan sesat dan jalan lurus serta antara ciri Islam dan jahiliyah.

Terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan keruntuhan nilai moral akhlak ini berlaku dalam kalangan pelajar hari ini. Antara faktornya ialah kelemahan dan keruntuhan institusi keluarga itu sendiri terutamanya kekurangan kasih sayang, perhatian, asuhan dan didikan akhlak daripada ibu bapa, di samping sikap segelintir ibu bapa yang menyerahkan sepenuhnya tugas mendidik anak-anak kepada guru dan pihak sekolah (Wan Hassan & Siti Norlina, 2006; Syed Ismail & Ahmad Subki, 2010). Selain itu, pegangan agama yang tidak kukuh atau kurangnya didikan agama daripada ibu bapa juga merupakan punca atau penyebab kepada keruntuhan akhlak dan gejala sosial ini. Anak-anak tidak diberikan didikan agama yang secukupnya yang dapat menjadi benteng kepada mereka apabila berjauhan daripada pandangan dan perhatian ibu bapa. Selain itu juga, pengaruh rakan sebaya yang tidak baik

juga merupakan punca kepada berlakunya gejala sosial dan kemerosotan ahklak ini (Syed Ismail & Ahmad Subki, 2010). Anak-anak lebih cenderung memilih rakan-rakan yang membawa ke arah keburukan daripada rakan-rakan yang membawa ke arah kebaikan. Di samping itu, media massa juga merupakan penyebab kepada berlakunya keruntuhan nilai moral ini. Terdapat laporan daripada televisyen dan akhbar yang menunjukkan bahawa gejala sosial berlaku selepas menonton filem berunsur ganas. Mereka seolah-olah terpengaruh dengan apa yang mereka lihat (Zaharah & Ab. Halim, 2007; Syed Ismail & Ahmad Subki, 2010). Keadaan dan permasalahan ini jika dibiarkan berlarutan tanpa pencegahan dan langkah menangani di ambil akan terus menular dan merebak dalam masyarakat seterusnya mengganggu pembangunan sesebuah negara.

Latar Belakang Masalah

Secara umumnya motivasi menurut Matsumoto (2009) bermaksud kesediaan untuk berusaha dalam mengejar sesuatu matlamat. Juga membawa maksud sebagai proses membangkitkan, mengekalkan dan mengawal minat. Motivasi adalah satu istilah yang menerangkan tentang beberapa variasi pada tingkah laku manusia seperti mengapa individu itu lebih tekun daripada individu lain. Dengan itu, motivasi menentukan arah perihai efisiennya sesuatu perkara. Apabila sesuatu hajat tercapai, dia akan berasa puas, megah, bangga, dan dihargai. Perasaan ini bertindak sebagai penggerak kepada pelajar dalam mencapai matlamat pendidikan khususnya dalam membentuk peribadi dan akhlak. Motivasi merupakan salah satu aspek penting dalam pembangunan dan kecemerlangan pelajar sekaligus memberikan kesan positif dalam pencapaian akademik pelajar. Pelajar yang bermotivasi adalah pelajar yang menaruh minat untuk belajar dan berubah. Mereka mendengar dan memberi sepenuh perhatian kepada pelajaran serta aktif di dalam dan di luar kelas selain bersedia menerima arahan daripada guru. Daripada keadaan inilah akan lahirnya pelajar yang berkualiti (Baharom & Iliyas, 2011).

Objektif dan Persoalan Kajian

Secara terperinci, kertas kerja ini adalah bertujuan untuk mencapai objektif iaitu mengenal pasti tahap motivasi pelajar sekolah menengah. Maka persoalan kajian yang timbul adalah apakah tahap motivasi pelajar sekolah menengah?

Metodologi

Reka bentuk kajian adalah bersifat kuantitatif dengan menggunakan instrument soal selidik (survey) yang melibatkan seramai 381 orang pelajar yang menjadi pelajar kepada GPI daripada jumlah populasi seramai 1270 orang pelajar. Jumlah responden ini menepati jumlah peratusan responden iaitu sekurang-kurangnya 30 peratus sebagai sampel mewakili keseluruhan populasi. Gambaran tatacara pelaksanaan kajian seperti ditunjukkan dalam rajah 1.

Kajian ini merupakan kajian berbentuk kuantitatif yang menggunakan soal selidik sebagai alat utama pengumpulan data. Bagi memastikan hasil dan matlamat pengumpulan data tercapai, pengkaji telah membuat batasan terhadap responden dan fokus kajian. Batasan dari segi responden ialah dengan hanya memilih pelajar peringkat menengah rendah sahaja yang berada di bawah penyeliaan guru Pendidikan Islam (GPI). Manakala batasan kajian terhadap soal selidik pelajar hanyalah pada tahap motivasi mereka sahaja.



Rajah 1: Tatacara pelaksanaan kajian

Dapatan Kajian

Merujuk kepada Jadual 1, secara keseluruhannya, semua responden setuju bahawa tahap motivasi pelajar terhadap Pendidikan Islam di sekolah adalah di tahap yang sederhana tinggi. Hal ini dibuktikan oleh nilai purata min dan nilai purata sisihan piawai iaitu masing-masing ialah 3.66 dan 0.91. Data menunjukkan terdapat sebanyak enam item mengikut min purata yang terdiri dalam kategori interpertasi tinggi. Semua item terbabit ialah MTV1(min= 4.16, SP= 0.81), MTV2(min= 4.09, SP= 0.76), MTV5(min= 4.02, SP= 0.82), MTV11(min= 4.60, SP= 0.75), MTV12(min= 4.44, SP= 0.78) dan MTV13(min= 4.41, SP= 0.80).

Jadual 1 Tahap motivasi pelajar di bawah penyeliaan guru Pendidikan Islam

Kod		S1	S2	S3	S4	S5	S6	S7	S8	Purata	
MTV1	Pendidikan Islam lebih mudah dipelajari dan difahami berbanding dengan mata pelajaran lain	Min	4.25	3.93	4.23	4.32	4.06	4.17	4.33	4.04	4.16
		SP	0.81	0.92	0.70	0.74	0.77	0.77	0.63	1.02	0.81
MTV2	Mata pelajaran Pendidikan Islam amat saya minati	Min	4.40	4.05	4.10	4.26	3.81	3.93	4.35	3.86	4.09
		SP	0.59	0.72	0.78	0.56	0.81	0.88	0.63	0.84	0.76
MTV3	Saya sering berbincang dengan guru saya berhubung dengan masalah dalam Pendidikan Islam	Min	3.65	3.70	4.05	3.82	3.42	3.68	3.88	3.31	3.68
		SP	0.92	0.82	0.85	0.85	0.80	0.88	0.93	0.92	0.89
MTV4	Saya suka memberikan pendapat semasa sesi pengajaran Pendidikan Islam	Min	3.75	3.53	3.95	3.54	3.32	3.28	3.80	3.27	3.54
		SP	0.87	0.80	0.71	1.13	1.05	0.91	1.06	0.93	0.97
MTV5	Saya selalu memberikan tumpuan sepenuhnya semasa guru mengajar	Min	4.20	4.12	4.10	4.26	3.77	4.05	4.22	3.49	4.02
		SP	0.69	0.89	0.71	0.85	0.78	0.84	0.69	0.82	0.82
*MTV6	Saya belajar Pendidikan Islam hanya untuk lulus peperiksaan	Min	3.05	4.21	1.95	2.12	2.46	2.44	2.76	2.54	2.73
		SP	1.34	0.82	0.90	1.30	1.18	1.16	1.36	1.09	1.34
*MTV7	Saya terpaksa belajar Pendidikan Islam kerana mata	Min	2.20	4.46	1.80	1.64	2.70	1.98	1.57	2.29	2.40
		SP	1.44	0.71	0.85	1.19	1.38	1.13	0.98	1.34	1.47

MTV8	pelajaran wajib Pujian daripada guru mendorong saya melibatkan diri dalam aktiviti Pendidikan Islam	Min	3.90	4.21	3.60	3.42	3.04	3.88	3.46	3.59	3.63
		SP	0.87	0.82	1.15	1.39	1.04	1.05	1.47	1.02	1.17
MTV9	Hadiah daripada guru mendorong saya melibatkan diri dalam aktiviti Pendidikan Islam	Min	3.25	3.95	3.43	3.06	2.73	3.37	3.39	2.73	3.24
		SP	1.01	0.91	1.20	1.19	1.03	1.28	1.37	1.15	1.20
MTV10	Saya suka membuat latihan Pendidikan Islam	Min	3.75	3.96	3.53	3.98	3.51	4.15	4.16	3.39	3.80
		SP	1.03	0.76	0.93	0.71	0.93	0.73	0.72	1.02	0.90
MTV11	Saya yakin bahawa mata pelajaran Pendidikan Islam adalah penting untuk pembentukan diri saya	Min	4.38	4.65	4.75	4.78	4.46	4.68	4.78	4.29	4.60
		SP	0.74	0.94	0.54	0.46	0.83	0.52	0.47	1.02	0.75
MTV12	Saya akan berasa kecewa sekiranya tidak mencapai peratusan yang baik dalam Pendidikan Islam	Min	4.33	4.46	4.75	4.72	4.21	4.59	4.59	3.98	4.44
		SP	0.73	0.83	0.54	0.57	0.93	0.59	0.57	0.97	0.78
MTV13	Saya belajar Pendidikan Islam bersungguh-sungguh kerana ingin mendapat keputusan yang cemerlang	Min	4.50	4.32	4.23	4.54	4.43	4.63	4.59	4.04	4.41
		SP	0.55	0.91	1.05	0.68	0.77	0.62	0.67	0.87	0.80
*MTV14	Saya tidak kisah jika pencapaian Pendidikan Islam SPM saya hanya lulus sahaja	Min	2.98	4.37	1.45	1.94	2.60	2.18	1.47	2.31	2.47
		SP	1.42	0.86	0.85	1.48	1.34	1.13	0.84	1.12	1.47
Purata & jumlah mengikut sekolah		Min	3.76	4.14	3.56	3.60	3.47	3.64	3.67	3.37	3.66
		SP	0.93	0.84	0.84	0.94	0.97	0.89	0.88	1.01	0.91
		N	40	57	40	50	53	42	49	50	381

*pernyataan dalam bentuk negatif

Manakala terdapat sebanyak lima item mengikut min purata yang terdiri dalam kategori interpersasi sederhana tinggi. Semua item terbabit ialah MTV3(min= 3.68, SP= 0.89), MTV4(min= 3.54, SP= 0.97), MTV8(min= 3.63, SP= 1.17), MTV9(min= 3.24, SP= 1.20) dan MTV10(min= 3.80, SP= 0.90). Selain itu terdapat juga item yang berada pada tahap interpretasi sederhana rendah iaitu MTV6(min= 2.73, SP= 1.34), MTV7(min= 2.40, SP= 1.47) dan MTV14(min= 2.47, SP= 1.47). Semua sekolah menunjukkan nilai min dalam kumpulan interpretasi sederhana tinggi, kecuali S2 yang berada pada interpretasi tinggi.

Perbincangan Kajian

Analisis secara keseluruhannya menunjukkan bahawa tahap kesedaran motivasi dalam kalangan pelajar yang merupakan responden kajian ini berada pada tahap yang sederhana tinggi (min= 3.66). Keadaan ini menunjukkan bahawa hasil kesedaran dan motivasi yang wujud menyebabkan keinginan dan semangat pelajar untuk belajar dan menuntut ilmu pengetahuan berada pada tahap yang tinggi. Hal ini bertepatan dengan peranan motivasi sebagai pendorong dalam proses pengajaran dan pembelajaran pelajar di dalam kelas. Muhammad Kamil (2001) menyatakan bahawa motivasi dalaman pelajar sendiri yang boleh menghasilkan pembelajaran yang sempurna. Noraini (2008) pula mendapati sikap pelajar berperanan dalam meningkatkan keberkesanan dalam Pendidikan Islam. Pelajar mempunyai tahap keberkesanan yang tinggi terhadap Pendidikan Islam jika mereka sendiri yang bermotivasi untuk memahami dan mengamalkannya. Khalim dan Wan Zukifli (2009) mengukuhkan kenyataan ini dengan merujuk kepada kaedah Pendidikan Islam dalam mengatasi masalah didiplin pelajar. Hal ini kerana kajian mendapati pelajar yang memahami dengan betul Pendidikan Islam boleh mengamalkan perkara yang dipelajari tanpa paksaan atau tekanan daripada mana-mana pihak.

Selain itu, kajian yang dijalankan oleh Mazlyana (2011) juga menunjukkan bahawa tahap kefahaman pelajar yang tinggi terhadap Pendidikan Islam adalah disebabkan oleh kesedaran mereka tentang tujuan mempelajari Pendidikan Islam dan kepentingan untuk memahaminya. Kajian yang dijalankan oleh Nurfaizah (2003) juga menunjukkan bahawa pelajar yang melalui proses Pendidikan Islam boleh membantu meningkatkan sahsiah mereka di samping Pendidikan Islam membantu pelajar membentuk nilai-nilai dalam diri (Zulkifli, 2002). Penghayatan yang tinggi dalam dalam Pendidikan Islam membolehkan pelajar mengaplikasikan perkara yang dipelajari menjadi amalan dalam kehidupan seharian. Oleh hal yang demikian dapatlah dirumuskan bahawa, kewujudan motivasi dalam diri pelajar sama ada melalui motivasi ekstrinsik ataupun intrinsik mampu mempengaruhi keberkesanan sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran. Hasil dapatan kajian ini juga turut disokong oleh kajian yang telah dijalankan oleh Abd Ghani (2009) mengenai tahap motivasi pelajar yang mengatakan bahawa seseorang guru itu mampu mempengaruhi tahap motivasi pelajar untuk mengikuti pelajaran. Hal ini kerana pembentukan akhlak remaja dipengaruhi oleh pengajaran dan pembelajaran guru, sikap dan motivasi pelajar serta proses interaksi pelajar dengan persekitaran (Kamarul Bahariyah, 1999).

Kesimpulan

Melalui dapatan kajian ini secara keseluruhannya terdapat tiga tahap interpretasi iaitu tinggi, sederhana tinggi dan sederhana rendah dicatat. Keadaan ini menggambarkan kepada kita bahawa kesedaran motivasi seorang pelajar sememangnya wujud dan menjadi penggerak kepada mereka dalam setiap proses pengajaran dan pembelajaran yang mereka lalui.

Rujukan

- Abd Ghani Jaafar. 2009. Hubungan Antara Motivasi Guru Dengan Motivasi dan Pencapaian Akademik Pelajar. Skudai, Universiti Teknologi Malaysia.
- Aidah Bujang dan Kamarulzaman Abdul Ghani. 2009. Pengintegrasian Pendidikan Islam dan Ilmu Psikologi dalam Pembentukan Akhlak Pelajar. Zamri Mahamod, Kamarulzaman Abd. Ghani, Harun Baharuddin, Ab. Halim Tamuri, Nik Mohd Rahimi, Mohd Aderi Che Noh (pnyt.) dalam Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri Ke-7 (Peringkat

- Nusantara), Halatuju Pendidikan Islam dan Bahasa Arab di Nusantara. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia: hlm. 124- 140.
- Baharom Mohammad dan Iliyas Hashim. 2011. *Bagaimana Memotivasi Pelajar*, Cetakan Kedua, Kuala Lumpur, PTS.
- Kamarul Bahariyah Salleh (1999). *Persepsi Pelajar Terhadap Pendidikan Islam (akhlak Islamiyah) dan Kaitannya dalam Pembentukan Akhlak Remaja: Satu Tinjauan di Kolej Islam Melaka*. Skudai, Universiti Teknologi Malaysia.
- Khalim Zainal dan Wan Zukifli Wan Hassan. 2009. *Pendekatan Islam dalam Menangani Masalah Disiplin Tegar dalam Kalangan Pelajar Sekolah: Satu Kajian Kes*. *Journal of Islamic An Arabic Education* 1(2), Halaman 1-14. Selangor, Universiti Putra Malaysia.
- Matsumoto D. 2009. *The Cambridge Dictionary of Psychology*. New York: Cambridge University Press.
- Mazlyana Buhari 2011. *Hubungan Antara Tahap Keberkesanan Pendidikan Islam dengan Personaliti Islamik Pelajar*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Nazmi Awang Besar, Mohd Aderi Che Noh dan Mohd Ashraf Che Soh. 2009. *Hubungan Amalan Ibadat Solat Fardhu dengan Disiplin Pelajar*. Zamri Mahamod, Kamarulzaman Abd. Ghani, harun Baharuddin, Ab. Halim Tamuri, Nik Mohd Rahimi, Mohd Aderi Che Noh (pnyt.) dalam *Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri Ke-7 (Peringkat Nusantara), Halatuju Pendidikan Islam dan Bahasa Arab di Nusantara*. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia: hlm. 450- 462.
- Muhammad Kamil Mat Zin. 2001. *Minat dan Motivasi Pelajar Terhadap Matapelajaran Pendidikan Islam KBSM: Satu Tinjauan ke atas Pelajar Tingkatan 4 di SMK Tanjung Adang Gelang Patah, Johor Bharu*. Skudai, Universiti Teknologi Malaysia.
- Noraini Othman. 2008. *The Development and Validation of The Ummatic Personality Inventory*. Phd Thesis. Kuala Lumpur, International Islamic University of Malaysia.
- Nurfaizah Harun. 2003. *Peranan Pendidikan Islam di Peringkat Awal dalam Membantu Meningkatkan Sahsiah Pelajar: Satu Kajian Terhadap Pelajar Muslim Tahun Satu Kolej Tun Razak Universiti Teknologi Malaysia*. Skudai, Universiti Teknologi Malaysia.
- Shariffah Sebran Jamila Syed Imam. 2009. *Merokok daripada Perspektif Islam: Tinjauan dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah*. Zamri Mahamod, Kamarulzaman Abd. Ghani, harun Baharuddin, Ab. Halim Tamuri, Nik Mohd Rahimi, Mohd Aderi Che Noh (pnyt.) dalam *Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri Ke-7 (Peringkat Nusantara), Halatuju Pendidikan Islam dan Bahasa Arab di Nusantara*. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia: hlm.550-559.
- Syed Ismail Syed Mustapa dan Ahmad Subki Miskon. 2010. *Guru Dan Cabaran Semasa*. Selangor, Penerbitan Multimedia.
- Wan Hassan Wan Embong dan Siti Norlina Muhamad. 2006. *Kesedaran Terhadap Peranan Bapa Kepada Anggota Keluarga Mempengaruhi Gejala Keruntuhan Akhlak Remaja Dalam Krisis & Konflik Institusi Keluarga*. (Pnyt.) Abd. Rahim Abd. Rashid, Sufean Hussin, Che Hashim Hassan. Kuala Lumpur, Utusan Publications.
- Zaharah Hussin dan Ab. Halim Tamuri. 2007. *Terhadap Ilmu dan Strategi Mendidik Akhlak Pelajar di Sekolah: Kaedah Memperkasakan Falsafah Pendidikan Kebangsaan*. Norlena Salamuddin, Mohd Taib, Mohd Sani, Saemah, Sharifah Nor Puteh, Siti Fatimah, Jainabee, Jamil, Zamri, Tajul (pnyt.) dalam *Prosiding Seminar Kebangsaan Isu-isu Pendidikan Negara Ketiga: Dasar dan Pelaksanaan Ke Arah Pengukuhan Hala Tuju*

Dasar Pendidikan Negara. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Hlm. 325-334.

Zulkifli Ahmad, 2002. Kaedah Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral dalam Menangani Gejala Sosial di SMK Permas Jaya, Johor Bharu. Skudai, Universiti Teknologi Malaysia.